



Ruj Kami : JANM.BKP.500-3/5/5 (4)
Tarikh : 18 April 2021

Tuan/ Puan,

IKLAN JAWATAN *CONTRACT FOR SERVICE* DI JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA

Permohonan-permohonan adalah dipelawa daripada **Warganegara Malaysia** yang berkelayakan bagi mengisi jawatan kosong di Jabatan Akauntan Negara Malaysia.

1. (a) **JAWATAN** : **Pegawai Teknologi Maklumat**
- (b) **KUMPULAN PERKHIDMATAN** : Pengurusan dan Profesional
- (c) **AGENSI** : Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM)
- (d) **TEMPAT KEKOSONGAN** : Bahagian Khidmat Perunding, JANM
- (e) **TEMPOH KONTRAK** : Mulai tarikh lapor diri hingga 31 Disember 2023
- (f) **KADAR BAYARAN PERKHIDMATAN** : RM2,550.00
- (g) **SYARAT LANTIKAN** :

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

- i. warganegara Malaysia;
- ii. berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
- iii. Ijazah Sarjana Muda Komputer Sains/Teknologi Maklumat yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya;
- iv. lulus Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan;

v. Kemahiran diperlukan:


- Mempunyai pengetahuan dan kemahiran melaksanakan aktiviti dalam kitar hayat pembangunan sistem.
- Mempunyai kemahiran menggunakan komputer terutamanya bagi perisian asas seperti Microsoft Word, Excel dan PowerPoint.
- Berintegriti, mempunyai kemahiran komunikasi yang baik dan boleh bekerja dalam satu pasukan.
- Bersedia melaksanakan tugas di luar kawasan dan lain-lain tugas yang diarah dari semasa ke semasa.

2. CARA MEMOHON :

- (a) Calon yang berminat untuk memohon jawatan ini perlu melengkapkan borang **JANM(K) 1/2008** yang dilampirkan serta memuat naik permohonan lengkap ke dalam google drive melalui pautan <https://forms.gle/3JUYPgBhPqPwcMqR9> atau imbas kod QR di bawah:



Muat Turun Borang
JANM(K) 1/2008



Muat Naik Permohonan
Lengkap

- (b) Permohonan yang tidak lengkap atau yang menggunakan borang selain **JANM(K) 1/2008** akan ditolak.
- (c) Semua permohonan hendaklah disertakan dengan salinan kad pengenalan, salinan sijil akademik, salinan surat beranak dan lain-lain dokumen berkaitan, yang telah disahkan. Dokumen asal hendaklah dibawa bersama semasa temuduga.
- (d) Permohonan berikut **AKAN DITOLAK** :
- i. Tidak disertakan dengan dokumen-dokumen yang diperlukan;
 - ii. Tidak lengkap atau tidak terang
 - iii. Tidak memenuhi syarat-syarat kelayakan yang ditetapkan dalam iklan;
 - iv. Tidak ditulis nombor kad pengenalan;
 - v. Tidak diturunkan tandatangan.
- (e) **TARIKH TUTUP** : **7 Mei 2021**

3. **CATATAN AM** :

- (a) Hanya pemohon yang layak berdasarkan asas tapisan yang ditetapkan oleh JANM sahaja dipanggil temuduga.
- (b) Pemohon yang tidak menerima sebarang jawapan selepas **enam (6) bulan** dari tarikh iklan ditutup hendaklah menganggap permohonan mereka tidak berjaya.
- (c) Jabatan ini tidak akan menanggung perbelanjaan menghadiri temuduga.
- (d) Penyambungan kontrak tertakluk kepada keputusan JANM.

Sekian, terima kasih.

“PRIHATIN RAKYAT: DARURAT MEMERANGI COVID-19”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

“Inovasi Digital Pemacu Prestasi Unggul”



(G.S. MUNIANDY C.A(M))

Pengarah
Bahagian Khidmat Perunding
b.p. Akauntan Negara Malaysia